



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**PENILAIAN TAHAP PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK
DARJAH DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN TEBOBON KOTA KINABALU SABAH**

*ASSESSMENT OF THE IMPLEMENTATION LEVEL OF CLASSROOM
ASSESSMENT AMONG TEACHERS OF SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN TEBOBON KOTA KINABALU SABAH*

Mohammad Azri Amatan^{1*}, Faridah Raimin², Miriani Paidal³, Dayang Fatimah Majid⁴

¹ SMK Tebobon Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

Email: mazrians@gmail.com

² SMK Tebobon Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

Email: faridahraimin@gmail.com

³ SMK Tebobon Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

Email: mirianipaidals@gmail.com

⁴ SMK Tebobon Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

Email: drdf91@yahoo.com.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 31.07.2024

Revised date: 18.08.2024

Accepted date: 28.08.2024

Published date: 25.09.2024

To cite this document:

Amatan, M. A., Raimin, F., Paidal, M., & Majid, D. F. (2024). Penilaian Tahap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (55), 378-391.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam kalangan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu, Sabah. Seramai 92 orang daripada 125 guru telah dipilih sebagai responden kajian. Pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan hirisan rentas digunakan dalam kajian ini. Data diperoleh melalui instrumen soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25.0. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan guru ($M=3.90$, $SP=1.47$), kemahiran guru ($M=4.33$, $SP=1.06$), kesediaan guru ($M=4.36$, $SP=0.99$) dan sikap guru ($M=3.40$, $SP=1.35$) terhadap pelaksanaan PBD adalah tinggi. Sebaliknya, persepsi guru terhadap masalah dalam melaksanakan PBD adalah pada tahap sederhana ($M=2.86$, $SP=1.38$). Dapatan ini menunjukkan bahawa guru memiliki asas kukuh dalam melaksanakan PBD, namun terdapat isu-isu sederhana yang perlu diatasi, khususnya berkaitan persepsi guru terhadap masalah dalam pelaksanaannya. Implikasi kajian ini adalah pihak berkepentingan perlu memberi tumpuan kepada strategi yang dapat memastikan pelaksanaan PBD berjalan dengan lebih lancar dan berkesan.

DOI: 10.35631/IJEPC.955025

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)**Kata Kunci:**

Penilaian PBD, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Kemahiran PBD, Pengetahuan PBD, Kemahiran PBD, Kesediaan PBD, Masalah dan Sikap PBD

Abstract:

This study aims to assess the level of implementation of Classroom-Based Assessment (CBA) among teachers at Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon, Kota Kinabalu, Sabah. A total of 92 out of 125 teachers were selected as respondents for this study. A quantitative cross-sectional survey approach was used, and data were collected through a questionnaire and analysed using IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0. The results indicated that teachers' knowledge ($M=3.90$, $SD=1.47$), skills ($M=4.33$, $SD=1.06$), readiness ($M=4.36$, $SD=0.99$), and attitudes ($M=3.40$, $SD=1.35$) towards the implementation of CBA were high. Conversely, teachers' perceptions of problems in implementing CBA were at a moderate level ($M=2.86$, $SD=1.38$). These findings suggest that teachers have a solid foundation for implementing CBA, but there are moderate issues that need to be addressed, particularly concerning teachers' perceptions of problems in its implementation. The implications of this study are that stakeholders need to focus on strategies that can ensure a smoother and more effective implementation of CBA.

Keywords:

Classroom Assessment, Classroom-Based Assessment (CBA), CBA Skills, CBA Knowledge, CBA Readiness, CBA Challenges, CBA Attitudes

Pengenalan

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan satu elemen penting dalam sistem pendidikan Malaysia yang diperkenalkan bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. PBD menekankan penilaian berterusan yang dilakukan melalui peranan guru dalam bilik darjah untuk menilai pencapaian pelajar secara menyeluruh (Ministry of Education Malaysia, 2020). Konsep ini bertujuan untuk menggantikan sistem peperiksaan tradisional yang sering kali memberi fokus kepada penilaian akhir tahun sahaja. Pelaksanaan PBD adalah penting kerana ia memberikan maklumat yang lebih mendalam tentang kemajuan pelajar serta keperluan mereka. Dengan penekanan kepada penilaian formatif, PBD membantu guru untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar dengan lebih tepat dan membuat penyesuaian dalam pengajaran mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Dalam hal ini, Heritage (2010) mendapati penilaian berbentuk formatif dapat meningkatkan keterlibatan pelajar dalam proses pembelajaran dan membantu dalam penetapan sasaran pembelajaran yang dengan lebih jelas. Demikian juga aspek kemahiran dan kesediaan guru dikenal pasti antara pemboleh ubah yang mempengaruhi kejayaan pelaksanaan PBD. Perkara ini dibuktikan oleh Guskey (2003) yang menunjukkan bahawa guru yang mempunyai kemahiran yang baik dalam teknik penilaian formatif dan pengetahuan yang mendalam lebih berkemungkinan untuk melaksanakan tugas dengan berkesan. Selain itu, aspek kesediaan guru (Hattie & Timperley, 2007) untuk mengadaptasi dan menerapkan kaedah PBD juga dikenal pasti dapat mempengaruhi tahap

kejayaan pelaksanaannya di sekolah. Walaupun PBD mempunyai banyak manfaat, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaannya. Kajian Hock et al. (2022) mendapati antaranya masalah seperti kekurangan latihan yang mencukupi, sumber yang terhad, dan beban kerja yang tinggi boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan PBD di sekolah. Masalah-masalah ini perlu ditangani dengan baik bagi memastikan bahawa PBD dapat dilaksanakan dengan efektif di sekolah-sekolah. Demikian juga aspek sikap guru turut dikenal pasti memainkan peranan penting dalam pelaksanaan PBD. Ahmedi (2019) menyatakan bahawa sikap positif terhadap PBD dapat meningkatkan komitmen guru dalam menggunakan penilaian formatif dan memberikan maklum balas yang konstruktif kepada pelajar. Sebaliknya, sikap negatif atau kekurangan keyakinan guru (Popham, 2008) terhadap PBD hanya menyebabkan pelaksanaannya menjadi kurang berkesan.

Sorotan Literatur

Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan komponen penting dalam sistem pendidikan Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran melalui penilaian berterusan. Namun, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan PBD dengan efektif. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pelaksanaan PBD dalam kalangan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu, Sabah. Aspek yang dikaji termasuk kemahiran guru dalam melaksanakan PBD, tahap kesediaan guru, masalah yang dihadapi semasa pelaksanaan PBD, dan sikap guru terhadap PBD. Salah satu isu utama dalam pelaksanaan PBD adalah tahap kemahiran guru dalam menggunakan teknik penilaian yang pelbagai dan efektif. Kajian lepas menunjukkan bahawa banyak guru masih kurang latihan dan sokongan dalam melaksanakan penilaian yang holistik dan berterusan (Aziz et al., 2020). Demikian juga aspek kemahiran dalam merancang dan melaksanakan pelbagai jenis penilaian, termasuk penilaian formatif dan sumatif, adalah kritikal untuk kejayaan PBD. Didapati, kurangnya kemahiran ini mengakibatkan penilaian yang tidak konsisten dan kurang berkesan, yang akhirnya mempengaruhi kualiti pembelajaran pelajar. Demikian juga dari aspek kesediaan guru untuk menerima dan melaksanakan PBD juga merupakan faktor penting. Kajian mendapati bahawa terdapat guru tidak bersedia atau kurang yakin dalam melaksanakan PBD disebabkan oleh kurangnya pemahaman atau ketidakpastian mengenai prosedur (Hazuriana & Khairul, 2022). Aspek kesediaan guru untuk menyesuaikan diri dengan amalan baru dan menerima perubahan dalam proses penilaian turut dikenal pasti penting untuk memastikan PBD dilaksanakan dengan berkesan. Hal ini termasuk kesiapsiagaan guru untuk menghadapi cabaran yang mungkin timbul dan mengadaptasi amalan baru dalam bilik darjah. Beberapa masalah yang sering dihadapi dalam pelaksanaan PBD termasuk kekurangan sumber dan sokongan yang memadai dari pihak pengurusan sekolah. Kajian menunjukkan bahawa tanpa sokongan yang cukup dalam bentuk latihan, sumber, dan bantuan teknikal, pelaksanaan PBD boleh menjadi kurang efektif (Guskey, 2003). Masalah ini sering kali menyebabkan kesukaran dalam melaksanakan penilaian secara konsisten dan menyeluruh, yang akhirnya menjejaskan kualiti penilaian dan pengajaran. Dari perspektif sikap guru terhadap PBD turut dikenal pasti memainkan peranan penting dalam kejayaan pelaksanaannya. Kajian menunjukkan bahawa sikap negatif terhadap PBD, seperti ketidakpuasan terhadap perubahan atau keraguan mengenai keberkesanan PBD, boleh menghalang pelaksanaan berkesan (Nor Hasnida, 2016). Sikap ini timbul daripada pengalaman buruk dengan sistem penilaian terdahulu atau ketidakpastian (Black & Wiliam, 1998; Stiggins, 2019) khususnya mengenai manfaat PBD dalam meningkatkan hasil pembelajaran.

Kesemua faktor ini saling berkait dan mempengaruhi satu sama lain dalam konteks pelaksanaan PBD. Kemahiran guru yang rendah boleh mengakibatkan kesediaan yang kurang, sementara masalah dalam pelaksanaan PBD boleh mempengaruhi sikap guru terhadap sistem tersebut. Selain itu, beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD sering menghadapi masalah berkaitan dengan kemahiran guru yang tidak mencukupi, kurangnya latihan dan sokongan, serta masalah dalam memahami dan menggunakan instrumen penilaian yang sesuai (Guskey, 2003; Fullan, 2007; Hock et al., 2022). Di samping itu, sikap guru terhadap PBD memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaan sistem ini. Kajian oleh Ibrahim dan Ramlah (2022) menunjukkan bahawa guru yang mempunyai sikap positif terhadap PBD lebih cenderung untuk melaksanakan pentaksiran dengan lebih berkesan. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji faktor terlibat untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang tahap sebenar pelaksanaan PBD di sekolah terbabit.

Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai tahap pelaksanaan PBD di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu, Sabah dengan memberi tumpuan kepada pemboleh ubah pengetahuan, kemahiran, kesediaan, masalah, dan sikap guru. Dengan memahami keadaan sebenar di lokasi kajian, diharapkan dapat memastikan PBD dilaksanakan dengan lebih efektif dan memberikan impak yang positif kepada kualiti pendidikan. Pentingnya kajian ini dijalankan kerana kajian lepas menunjukkan bahawa usaha menangani isu-isu berkaitan secara komprehensif adalah kunci untuk kejayaan pelaksanaan PBD khususnya dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (Hidayat et al., 2024).

Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk menilai tahap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu, Sabah. Manakala objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menilai tahap pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu, Sabah.
2. Menilai tahap kemahiran guru dalam pelaksanaan PBD di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu, Sabah.
3. Menilai tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan PBD di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu, Sabah.
4. Menilai tahap masalah guru dalam pelaksanaan PBD di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu, Sabah.
5. Menilai tahap sikap guru dalam pelaksanaan PBD di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu, Sabah.

Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan hirisan rentas menggunakan sepenuhnya soal selidik untuk mendapatkan persepsi guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam kalangan guru Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu, Sabah. Pendekatan kaedah tinjauan deskriptif digunakan dalam kajian ini. Populasi kajian melibatkan seramai 125 orang guru, manakala seramai 92 orang guru dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Pemilihan responden ditentukan menggunakan kaedah pensampelan rawak. Borang soal selidik menggunakan skala likert lima mata diedarkan kepada responden untuk memperoleh data kajian. Instrumen soal selidik kajian adalah berdasarkan instrumen yang telah diubah suai daripada kajian Tuan Azlyna Tuan Soh (2013), Aniza Ahmad (2014), Sh Siti Hauzimah Wan Omar (2019) dan juga Ng Pei Juan, Saemah

Rahman & Shahlan Surat (2023). Instrumen telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Data kajian kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif, iaitu berdasarkan interpretasi nilai skor Min oleh Landell (1997), iaitu; Min 1.00-2.33 (Rendah), Min 2.34-3.66 (Sederhana) dan Min 3.67-5.00 (Tinggi).

Hasil Dapatan Kajian

Objektif 1 - Menilai Tahap Pengetahuan Guru Dalam Pelaksanaan PBD Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu Sabah

Dapatan kajian pada Jadual 1 mendapati pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD berada pada tahap tinggi dengan Min (M) keseluruhan 3.90 dan Sisihan Piawai (SP) 1.47. Kesemua item kajian juga mencatatkan tahap yang tinggi. Dapatan kajian mendapati, guru memahami bahawa PBD dijalankan secara formatif dan sumatif (M=4.53), serta dilaksanakan secara berterusan di dalam bilik darjah (M=4.93). Guru turut dilaporkan bersetuju bahawa pelaksanaan PBD membantu murid mencapai kecemerlangan (M=4.63) dan ia merupakan kaedah untuk menguji pencapaian serta kebolehan pelajar (M=4.76 dan M=4.83). Selain itu, guru menyedari keperluan pengurusan dokumen berkaitan PBD (M=4.83) dan bahawa PBD wajib dilaksanakan di semua sekolah sejak 2017 (M=4.53). Pentaksiran kemahiran murid dipentingkan (M=4.93) dan pelaksanaan perlu mengikut prosedur dengan bimbingan pihak sekolah (M=4.63). Arahan KPM juga diikuti dalam pelaksanaan PBD (M=4.93) dengan tahap penguasaan murid ditaksirkan dua kali setahun (M=4.90). Kesimpulannya, guru menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi dalam melaksanakan PBD mengikut garis panduan ditetapkan.

Jadual 1: Tahap Pengetahuan Guru Dalam Pelaksanaan PBD

	M	SP	Tahap
Pengetahuan PBD	3.90	1.47	Tinggi
1. PBD berlaku secara formatif dan sumatif	4.53	1.13	Tinggi
2. Pelaksanaan PBD adalah secara berterusan di dalam bilik darjah	4.93	0.36	Tinggi
3. Pelaksanaan PBD membantu murid mencapai kecemerlangan yang tinggi	4.63	0.85	Tinggi
4. PBD adalah satu kaedah untuk menguji pencapaian pelajar	4.76	0.72	Tinggi
5. PBD adalah satu kaedah untuk menguji kebolehan pelajar	4.83	0.64	Tinggi
6. Pihak sekolah perlu menguruskan dokumen yang berkaitan ketika pelaksanaan PBD	4.83	0.64	Tinggi
7. PBD wajib dilaksanakan di semua sekolah sejak tahun 2017 bagi semua mata pelajaran	4.53	0.86	Tinggi
8. Pentaksiran penguasaan kemahiran pelajar dipentingkan	4.93	0.36	Tinggi
9. Prosedur pelaksanaan perlu dilaksanakan dengan betul di bawah bimbingan jawatankuasa pihak sekolah	4.63	0.99	Tinggi
10. Pelaksanaan PBD dikendalikan mengikut arahan KPM	4.93	0.36	Tinggi
11. Tahap penguasaan murid ditaksirkan sebanyak 2 kali setahun	4.90	0.54	Tinggi

Objektif 2 - Menilai Tahap Kemahiran Guru Dalam Pelaksanaan PBD Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu Sabah

Dapatan kajian pada Jadual 2 menunjukkan tahap kemahiran guru dalam pelaksanaan PBD berada pada tahap tinggi dengan Min (M) keseluruhan 4.33 dan Sisihan Piawai (SP) 1.06. Guru-guru menetapkan objektif yang sesuai berdasarkan instrumen pentaksiran (M=5.00) dan

merujuk DSKP semasa membina instrumen tersebut ($M=4.93$). Pelaksanaan PBD dilakukan secara berterusan ($M=5.00$), dengan guru mempelbagaikan kaedah pentaksiran mengikut tahap penguasaan pelajar ($M=4.93$) serta memastikan instrumen yang digunakan bersesuaian ($M=5.00$). Guru juga memastikan pelaporan penguasaan pelajar adalah tepat dengan merujuk DSKP ($M=5.00$) dan membimbing pelajar memahami pentaksiran yang dijalankan ($M=5.00$). Walaupun mereka biasanya membuat pelaporan tanpa bantuan ($M=4.46$), kemahiran pentaksiran terus dipertingkatkan secara berterusan ($M=5.00$). Mereka juga mengendalikan tahap penguasaan pelajar berdasarkan sukatan pelajaran ($M=4.86$) serta memasukkan data pelaporan secara teratur dalam format 'offline' ($M=4.86$). Secara keseluruhannya, tahap kemahiran guru dalam pelaksanaan PBD adalah tinggi dan konsisten.

Jadual 2: Tahap Kemahiran Guru Dalam Pelaksanaan PBD

	M	SP	Tahap
Kemahiran PBD	4.33	1.06	Tinggi
1. Saya menetapkan objektif yang bersesuaian berdasarkan instrumen pentaksiran	5.00	0.00	Tinggi
2. Saya merujuk DSKP semasa pembinaan instrumen pentaksiran	4.93	0.36	Tinggi
3. Saya memastikan pelaksanaan PBD secara berterusan di bilik darjah	5.00	0.00	Tinggi
4. Saya mempelbagaikan kaedah pentaksiran berdasarkan tahap penguasaan pelajar	4.93	0.36	Tinggi
5. Saya memastikan instrumen yang pelbagai diguna berdasarkan kesesuaian pelajar	5.00	0.00	Tinggi
6. Saya memastikan pelaporan penguasaan pelajar adalah betul dengan merujuk DSKP	5.00	0.00	Tinggi
7. Saya membimbing pelajar memahami pentaksiran yang dilaksanakan	5.00	0.00	Tinggi
8. Saya membuat pelaporan pentaksiran penguasaan pelajar tanpa bantuan orang lain	4.46	1.00	Tinggi
9. Saya memperbaiki kemahiran membuat pentaksiran secara berterusan	5.00	0.00	Tinggi
10. Saya mengendalikan tahap penguasaan pelajar berdasarkan sukatan pelajaran	4.86	0.50	Tinggi
11. Saya memasukkan data pelaporan pentaksiran pelajar secara 'Off-line' secara tersusun	4.86	0.50	Tinggi

Objektif 3 - Menilai Tahap Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan PBD Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu Sabah

Dapatan kajian pada Jadual 3 menunjukkan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBD berada pada tahap tinggi dengan Min (M) keseluruhan 4.36 dan Sisihih Piawai (SP) 0.99. Guru sentiasa membuat persediaan mencukupi untuk pentaksiran ($M=4.93$) dan merujuk DSKP semasa merancang PdP dan kaedah pentaksiran ($M=4.93$). Mereka juga memerlukan masa yang mencukupi untuk melaksanakan PBD ($M=4.76$) dan menunjukkan daya berjuang yang tinggi ($M=4.70$). Instrumen pentaksiran dibina berdasarkan tahap penguasaan pelajar ($M=4.73$) dan rekod pentaksiran disimpan dengan sistematik ($M=4.76$). Guru juga memberi tumpuan yang tinggi dalam melaksanakan PBD ($M=4.63$) serta menjalankan pentaksiran dengan telus dan adil ($M=4.93$). Selain itu, mereka menganalisis pentaksiran untuk tindakan

susulan ($M=4.80$) dan menyediakan bahan bantu mengajar bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran ($M=4.80$). Secara keseluruhan, tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBD adalah tinggi dan konsisten.

Jadual 3: Tahap Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan PBD

	M	SP	Tahap
Kesediaan PBD	4.36	0.99	Tinggi
1. Saya sentiasa membuat persediaan mencukupi untuk membuat pentaksiran	4.93	0.36	Tinggi
2. Saya sentiasa merujuk DSKP semasa merancang PdP dan kaedah pentaksiran	4.93	0.36	Tinggi
3. Saya sentiasa memerlukan masa yang mencukupi untuk melaksanakan PBD	4.76	0.72	Tinggi
4. Saya sentiasa mempunyai daya berjuang yang tinggi semasa melaksanakan PBD	4.70	0.79	Tinggi
5. Saya sentiasa membina instrumen PBD berdasarkan tahap penguasaan pelajar	4.73	0.69	Tinggi
6. Saya sentiasa menyimpan rekod pentaksiran secara bersistematik	4.76	0.72	Tinggi
7. Saya sentiasa memberi tahap tumpuan yang tinggi semasa melaksanakan PBD	4.63	0.85	Tinggi
8. Saya sentiasa menjalankan pentaksiran dengan telus dan adil	4.93	0.36	Tinggi
9. Saya sentiasa menganalisis pentaksiran yang dilakukan untuk tindakan susulan	4.80	0.61	Tinggi
10. Saya sentiasa menyediakan bahan bantu mengajar agar pembelajaran lebih berkesan	4.80	0.61	Tinggi

Objektif 4 - Menilai Tahap Masalah Guru Dalam Pelaksanaan PBD Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu Sabah

Dapatan kajian pada Jadual 4 menunjukkan bahawa tahap masalah yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan PBD adalah sederhana dengan Min (M) keseluruhan 2.86 dan Sisihan Piawai (SP) 1.38. Kesukaran yang dihadapi guru seperti masalah ketidakhadiran pelajar ($M=1.23$), jumlah murid yang ramai ($M=1.56$), dan kekangan masa dalam menaksir secara berulang ($M=1.63$) adalah pada tahap rendah. Begitu juga, isu seperti menghabiskan sukatan pelajaran dalam tempoh ditetapkan ($M=1.80$), banyaknya topik yang perlu diselesaikan dalam masa terhad ($M=1.56$), serta kesukaran dalam menaksir pelajar secara mendalam kerana banyaknya tahap penguasaan ($M=1.73$) juga berada pada tahap rendah. Walaupun terdapat bebanan tambahan bagi guru yang memegang jawatan penting di sekolah ($M=1.73$), kesukaran akibat ketidaksungguhan dalam menaksir ($M=3.00$) hanya pada tahap sederhana, dan tempoh pelaksanaan PBD yang singkat ($M=2.16$) pada tahap yang rendah. Secara keseluruhannya, guru menghadapi sedikit masalah dalam melaksanakan PBD, menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD berjalan dengan baik dan tidak terlalu membebankan.

Jadual 4: Tahap Masalah Guru Dalam Pelaksanaan PBD

	M	SP	Tahap
Masalah Melaksanakan PBD	2.86	1.38	Sederhana
1. Saya hadapi kesukaran membuat PBD kerana masalah ketidakhadiran pelajar ke sekolah	1.23	0.89	Rendah
2. Saya menghadapi kesukaran dalam proses PBD kerana jumlah murid yang ramai	1.56	1.10	Rendah
3. Saya sukar menghabiskan sukatan pelajaran dalam tempoh ditetapkan kerana PBD berulang	1.80	1.21	Rendah
4. Saya menghadapi masalah kerana terlalu banyak topik perlu diselesaikan dalam masa yang sangat terhad	1.56	1.10	Rendah
5. Saya hadapi masalah dalam menaksir secara berulang kerana kekangan masa	1.63	1.21	Rendah
6. Saya menghadapi masalah kerana PBD yang banyak dalam setiap band atau tahap penguasaan menyebabkan pentaksiran tidak dapat dilakukan secara mendalam dan menyeluruh	1.73	1.28	Rendah
7. Saya tertinggal banyak masa untuk menaksir pelajar kerana bebanan semakin bertambah apabila saya memegang jawatan-jawatan penting di sekolah	1.73	1.28	Rendah
8. Saya menghadapi kesukaran kerana ketidaksungguhan saya dalam menaksir menjejaskan seluruh sistem pentaksiran PBD saya	3.00	1.41	Sederhana
9. Saya menghadapi kesukaran kerana tempoh PBD yang singkat	2.16	1.44	Rendah
10. Saya menghadapi kesukaran kerana waktu pengajaran saya adalah terhad untuk melaksanakan proses PBD	1.83	1.26	Rendah

Objektif 5 - Menilai Tahap Sikap Guru Dalam Pelaksanaan PBD Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu Sabah

Dapatan kajian pada Jadual 5 menunjukkan bahawa sikap guru dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah tinggi dengan skor Min (M) keseluruhan 3.40 dan Sisihan Piawai (SP) 1.35. Guru dilaporkan menyediakan rekod prestasi murid (M=4.73, SP=0.82) dan fail untuk menyimpan rekod tersebut sebelum menjalankan PBD (M=4.86, SP=0.50). Mereka juga kerap berbincang dengan rakan sejawat tentang pelaksanaan PBD (M=5.00, SP=0.00) dan menghadiri taklimat yang dianjurkan oleh PPD (M=4.26, SP=1.17) serta JPN (M=4.06, SP=1.31). Dalam proses pengajaran, guru melaksanakan pengajaran mengikut kehendak PBD (M= 4.63, SP=0.99) dan memberi banyak peluang interaksi kepada pelajar (min = 4.93, SP = 0.36). Mereka juga memberikan penekanan kepada pembangunan kemahiran pelajar secara holistik (M=4.76, SP=0.72) dan menggunakan maklum balas PBD untuk memperbaiki pengajaran (M= 4.86, SP=0.50). Guru turut mengikuti perancangan KPM (min = 5.00, SP = 0.00) serta menepati waktu pelaksanaan yang ditetapkan (M=4.86, SP=0.50). Selain itu, mereka melaksanakan PBD berulang kali jika murid gagal mencapai tahap penguasaan yang diperlukan (M= 4.43, SP=0.97). Secara keseluruhannya, sikap guru terhadap pelaksanaan PBD adalah sangat positif dan konsisten.

Jadual 5: Sikap Guru Dalam Pelaksanaan PBD

	M	SP	Tahap
Sikap Guru Melaksanakan PBD	3.40	1.35	Tinggi
1. Saya menyediakan rekod prestasi murid sebelum menjalankan PBD	4.73	0.82	Tinggi
2. Saya menyediakan fail untuk menyimpan rekod prestasi sebelum menjalankan PBD	4.86	0.50	Tinggi
3. Saya berbincang dengan guru lain tentang pelaksanaan PBD	5.00	0.00	Tinggi
4. Saya menghadiri taklimat berkaitan PBD yang dianjurkan PPD	4.26	1.17	Tinggi
5. Saya menghadiri taklimat berkaitan PBD anjuran JPN	4.06	1.31	Tinggi
6. Saya mengajar pelajar saya mengikut kehendak PBD	4.63	0.99	Tinggi
7. Saya menyediakan banyak peluang kepada pelajar saya untuk berinteraksi dalam kelas	4.93	0.36	Tinggi
8. Saya memberikan penekanan yang lebih kepada memupuk pembangunan seluruh kemahiran pelajar	4.76	0.72	Tinggi
9. Saya menjadikan maklum balas prestasi PBD untuk memperbaiki pengajaran saya	4.86	0.50	Tinggi
10. Saya mengikuti perancangan yang telah ditetapkan KPM	5.00	0.00	Tinggi
11. Saya mengikuti menepati waktu pelaksanaan PBD yang telah ditetapkan KPM	4.86	0.50	Tinggi
12. Saya melaksanakan PBD berulang kali sekiranya murid gagal melepasi band atau tahap penguasaan yang ditaksirkan	4.43	0.97	Tinggi

Perbincangan

Hasil analisis yang telah dijalankan menunjukkan bahawa guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon, Kota Kinabalu, Sabah memiliki tahap pengetahuan, kemahiran, kesediaan, dan sikap yang tinggi dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Perbincangan ini mengupas secara terperinci setiap aspek ini dan implikasinya terhadap pelaksanaan PBD di sekolah tersebut.

Pengetahuan Guru Dalam Pelaksanaan PBD

Dapatan kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan guru tentang pelaksanaan PBD adalah tinggi. Guru-guru di sekolah ini memiliki pemahaman yang jelas dan mendalam tentang konsep asas PBD, termasuk pelaksanaannya secara formatif dan sumatif. Guru ternyata menyedari bahawa pelaksanaan PBD di sekolah bukan hanya untuk menilai pencapaian akademik pelajar tetapi juga berfungsi untuk mengenal pasti perkembangan holistik mereka, sejajar dengan garis panduan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2017). Dalam hal ini, Abdul Razak et al. (2023) menegaskan bahawa aspek pengetahuan guru yang baik amat diperlukan terutamanya dalam merancang pentaksiran, mengenal pasti tahap penguasaan murid, serta menyelaraskan aktiviti pentaksiran, selain dapat membuktikan kecekapan guru dalam memastikan PBD dilaksanakan dengan betul dan memberi manfaat kepada murid secara keseluruhannya. Dalam hal ini, guru perlu mempunyai pengetahuan pentaksiran yang baik untuk menilai pembelajaran pelajar dengan lebih berkesan dan meningkatkan hasil akademik, selain mencadangkan mempergiatkan bentuk bengkel atau latihan untuk meningkatkan pengetahuan guru dalam pelaksanaan PBD di sekolah (Tariq et al., 2023). Begitu juga aspek kecekapan guru dalam memahami dan melaksanakan PBD turut dikenal pasti memberi impak langsung kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, dan seterusnya memastikan

setiap murid mendapat manfaat yang optimum (Van Der Steen et al., 2023). Selain itu, guru perlu sentiasa memperkukuhkan pengetahuan untuk menilai pembelajaran murid secara lebih berkesan, selari dengan pendekatan berasaskan kompetensi yang kini semakin ditekankan dalam sistem pendidikan global (Day, 2017; Gumus, 2022).

Kemahiran Guru Dalam Melaksanakan PBD

Kajian ini mendapati bahawa kemahiran guru dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berada pada tahap yang tinggi. Guru-guru menunjukkan kebolehan dalam menetapkan objektif pembelajaran yang sesuai, membina instrumen pentaksiran yang pelbagai, dan melaksanakan pentaksiran secara berterusan serta sistematik. Kepelbagaian kaedah pentaksiran, seperti pemerhatian, kuiz, dan penilaian projek, dilaporkan digunakan dengan berkesan. Penggunaan kaedah ini menunjukkan bahawa guru mengaplikasikan prinsip-prinsip pentaksiran formatif dan sumatif dengan konsisten (Black & Wiliam, 1998; Morris et al., 2021; Jahidin & Chan, 2022). Kajian lepas menunjukkan bahawa peningkatan kemahiran guru dalam PBD banyak dipengaruhi oleh latihan profesional berterusan dan sokongan daripada pihak pentadbir sekolah (Bruce et al., 2016). Latihan yang disediakan untuk guru tidak hanya memfokuskan kepada teknik penilaian tetapi juga perlu menekankan kepada strategi pengajaran yang menyokong penerapan penilaian formatif dalam bilik darjah (Sari, 2019). Program latihan yang menyertakan pembelajaran berasaskan masalah dan pengajaran reflektif telah terbukti meningkatkan kemampuan guru dalam mengadaptasi teknik penilaian untuk memenuhi keperluan murid (Ng et al., 2023). Tambahan pula, perkembangan teknologi pendidikan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran guru. Penggunaan platform digital dan alat penilaian dalam talian telah memperluas kaedah penilaian yang boleh diakses dan memberi maklum balas yang lebih segera kepada murid (Spector et al., 2016). Selain itu, penggunaan teknologi bukan sahaja mempercepatkan proses penilaian tetapi juga meningkatkan keterlibatan murid dalam proses pembelajaran (Bond, 2019). Kemahiran dalam melaporkan penguasaan murid secara teliti juga diperoleh melalui amalan reflektif dan penilaian rakan sebaya. Amalan ini membantu guru untuk menilai dan memperbaiki strategi penilaian mereka secara berterusan, memperkukuhkan keupayaan mereka dalam memberikan maklum balas yang konstruktif dan memperbaiki pencapaian murid (Pang, 2022). Amalan ini penting dalam memastikan penilaian yang adil dan berkesan, serta dalam memantau kemajuan murid dengan lebih teliti. Secara keseluruhan, kemahiran guru dalam melaksanakan PBD menunjukkan guru mampu mengurus PBD dengan cekap, meningkatkan keupayaan dalam menilai kemajuan murid secara holistik dan memberikan maklum balas yang membina, serta memanfaatkan teknologi terkini dalam proses penilaian.

Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan PBD

Tahap kesediaan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dikenal pasti berada pada tahap yang tinggi. Guru-guru di sekolah ini menunjukkan komitmen yang tinggi dalam membuat persediaan sebelum pelaksanaan PBD, termasuk menghadiri taklimat dan latihan yang dianjurkan. Mereka juga dilaporkan memiliki kebolehan untuk mengurus masa dengan baik dan menunjukkan daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran yang timbul semasa melaksanakan PBD. Pengurusan masa yang berkesan adalah penting dalam memastikan PBD dapat dilaksanakan dengan lancar, terutamanya apabila perlu menilai murid dalam kumpulan yang besar. Kajian menunjukkan bahawa strategi pengurusan masa yang baik, seperti penggunaan jadual penilaian yang teratur dan perancangan awal, membantu guru untuk menguruskan beban kerja dengan lebih efektif (Ng & Lee, 2023). Di samping itu, guru melaksanakan pentaksiran dengan adil dan telus turut mencerminkan dedikasi mereka dalam mencapai objektif PBD seperti yang disarankan oleh KPM (Rezai, 2022; Rosli et al., 2022).

Selain itu, kajian lepas menunjukkan bahawa dedikasi guru sering dipengaruhi oleh sokongan yang diterima dari pihak pentadbir dan latihan profesional yang berterusan. Latihan yang berkualiti dan sokongan yang konsisten membantu guru dalam menyesuaikan teknik penilaian mereka, serta meningkatkan keupayaan mereka untuk memberikan maklum balas yang konstruktif (Desimone & Garet, 2015). Tambahan pula, kesediaan guru dipengaruhi keupayaan dalam menghadapi cabaran yang timbul semasa pelaksanaan PBD. Begitu juga amalan reflektif dan penilaian rakan sebaya memainkan peranan penting dalam membantu guru menilai dan memperbaiki strategi penilaian mereka secara berterusan. Amalan ini membolehkan guru untuk mendapatkan maklum balas yang berguna dan memperbaiki kemahiran mereka dalam melaporkan penguasaan murid (Seema Agnihotri et al., 2024). Secara keseluruhan, tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBD mencerminkan dedikasi mereka untuk memastikan penilaian dilaksanakan dengan adil dan efektif, dengan sokongan latihan dan pengurusan masa yang baik sebagai faktor utama dalam kejayaan pelaksanaan PBD.

Cabaran Dalam Pelaksanaan PBD

Walaupun dapatan menunjukkan pelbagai aspek positif, terdapat beberapa cabaran sederhana yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PBD. Antara masalah yang sering dilaporkan ialah ketidakhadiran murid, jumlah murid yang ramai dalam kelas, dan kekangan masa yang membataskan guru daripada melaksanakan pentaksiran secara terperinci. Isu ini menjadi lebih rumit apabila guru terpaksa membahagikan tumpuan kepada setiap pelajar, terutamanya dalam bilik darjah yang besar. Keadaan ini menyukarkan pentaksiran berasaskan formatif yang seharusnya memberi perhatian khusus kepada keperluan individu murid (Hopfenbeck, 2023). Selain itu, bebanan kerja tambahan yang dialami oleh guru-guru yang memegang jawatan pentadbiran turut dialami oleh para guru, beban kerja tambahan seperti ini memberi impak terhadap pelaksanaan PBD di sekolah. Guru-guru juga sering menghadapi kesukaran dalam membahagikan masa antara tugas pentadbiran dan pelaksanaan PBD. Walau bagaimanapun, perkara ini bukanlah menjadi penghalang utama bagi guru dalam melaksanakan PBD (Ozan & Kınca, 2018; Wafubwa & Csikos, 2022). Sebaliknya, cabaran-cabaran ini dikenal pasti hanya berada pada tahap yang sederhana dan tidak menjejaskan pelaksanaan PBD secara keseluruhan. Keadaan ini berlaku kerana guru masih berupaya mengaplikasikan penggunaan teknik pengajaran berbeza seperti penilaian kumpulan kecil atau penjadualan pentaksiran secara berperingkat, seterusnya dapat mengurangkan beban dan memastikan penilaian berjalan lancar (Black, & Wiliam, 2018). Selain itu, guru turut dikenal pasti menangani masalah ini dengan mengaplikasikan strategi pengurusan kelas dan masa yang efektif serta mendapat sokongan daripada pihak sekolah (Wafubwa & Csikos, 2022).

Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan PBD

Sikap guru dalam melaksanakan PBD juga didapati berada pada tahap yang tinggi. Guru-guru menunjukkan komitmen yang jelas dalam menyediakan rekod prestasi murid, berkolaborasi dengan rakan sejawat, serta menghadiri sesi latihan dan taklimat berkaitan PBD secara berkala. Mereka juga menerapkan pendekatan pengajaran yang selaras dengan kehendak PBD, dengan memberi ruang untuk interaksi yang bermakna serta menekankan pembangunan holistik pelajar. Sikap profesional ini dapat dilihat dalam penggunaan maklum balas secara berterusan untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran, serta pematuhan kepada perancangan dan garis masa yang telah ditetapkan (Parpucu & Al-Mabuk, 2023). Pelaksanaan semula pentaksiran bagi murid yang belum mencapai tahap penguasaan yang memuaskan mencerminkan usaha berterusan guru dalam memastikan semua murid mendapat peluang untuk memperbaiki diri (Carney et al., 2022). Sokongan berterusan daripada pihak pentadbiran

dan latihan secara berkala turut menyumbang kepada sikap positif guru dalam melaksanakan PBD di sekolah (Bruce et al., 2016).

Kesimpulan

Secara keseluruhan, guru Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu Sabah mempunyai pengetahuan, kemahiran, dan kesediaan yang tinggi dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Didapati guru sememangnya memahami konsep PBD secara mendalam dan menunjukkan kemahiran yang cekap dalam menetapkan objektif, membina instrumen pentaksiran, serta melaksanakan penilaian secara sistematik. Tahap kesediaan guru juga jelas melalui persediaan rapi, pengurusan masa yang baik, dan komitmen tinggi dalam memastikan PBD dilaksanakan dengan adil dan telus. Meskipun terdapat sedikit cabaran seperti kekangan masa dan jumlah murid yang ramai, ia tidak menjadi penghalang utama dalam pelaksanaan PBD. Sikap positif guru terhadap PBD, disokong oleh latihan dan kolaborasi, membuktikan keupayaan mereka untuk menguruskan pentaksiran dengan baik dan mencapai objektif yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penghargaan

Panel pengkaji merakamkan penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih atas komitmen semua pihak yang terlibat dalam kajian ini, khususnya kepada guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Tebobon Kota Kinabalu, Sabah sepanjang proses kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Abdul Razak, R., Mat Yusoff, S., Hai Leng, C., & Mohamadd Marzaini, A. F. (2023). Evaluating teachers' pedagogical content knowledge in implementing classroom-based assessment: A case study among ESL secondary school teachers in Selangor, Malaysia. *PloS one*. 18(12), e0293325.
- Ahmedi, V. (2019). Teachers' attitudes and practices towards formative assessment in primary schools. *Journal of Social Studies Education Research*. 10(3), 161-175.
- Aniza Ahmad. (2014). *Pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di sekolah menengah*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz, M.N.A., Yusoff, N.M. & Yaakob, M.F.M. (2020). Challenges in Using Authentic Assessment in 21st Century ESL Classrooms. *International Journal of Evaluation and Research in Education*. 9, 759-768.
- Black, P., & Wiliam, D. (1998). Assessment and Classroom Learning. *Assessment in Education*. 5(1), 7-74.
- Black, P., & Wiliam, D. (2018). Classroom assessment and pedagogy. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 25(6), 551-575.
- Bond, M & Bedenlier, S. (2019). Facilitating Student Engagement Through Educational Technology: Towards a Conceptual Framework. *Journal of Interactive Media in Education*. 11(1), 1-14.
- Bruce Randel, Helen Aphthorp, Andrea D. Beesley, Tedra F. Clark & Xin Wang. (2016). Impacts of professional development in classroom assessment on teacher and student outcomes. *The Journal of Educational Research*. 109(5), 491-502.
- Carney, E. A., Zhang, X., Charsha, A., Taylor, J. N., & Hoshaw, J. P. (2022). Formative assessment helps students learn over time: Why aren't we paying more attention to it?. *Intersection; A journal at the intersection of assessment and learning*, 4(1).
- Day, C. (2017). Competence-based Education and Teacher Professional Development. In: Mulder, M. (eds) *Competence-based Vocational and Professional Education. Technical*

and Vocational Education and Training: Issues, Concerns and Prospects, vol 23. Springer.

- Desimone, L. M., & Garet, M. S. (2015). Best practices in teachers' professional development in the United States. *Psychology, Society and Education*. 7(3), 252-263.
- Fullan, M. (2007). *The New Meaning of Educational Change*. Routledge.
- Gumuş, A. (2022). *Twenty-first-century teacher competencies and trends in teacher training*. In Y. Alpaydın & C. Demirli (Eds.). *Educational theory in the 21st century* (pp. 234-267). Maarif Global Education Series. Palgrave Macmillan.
- Guskey, T. R. (2003). How Classroom Assessments Improve Learning. *Educational Leadership*. 60(5), 6-11.
- Hattie, J., & Timperley, H. (2007). The power of feedback. *Review of Educational Research*. 77(1), 81-112.
- Hazuriana, H. & Khairul, J. (2022). Kesiediaan Guru dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah di Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 4(4), 119-125.
- Heritage, M. (2010). *Formative assessment: Making it happen in the classroom*. Corwin Press.
- Hidayat, N., Andriani, F., & Yoenanto, N. H. (2024). Exploring Challenges and Strategies for Improving the Quality of Education: Integrative Literature Review. *Indonesian Journal of Educational Research and Review*. 7(1), 128-141.
- Hock, T. T., Ayub, A. F. M., Shah, M. M., & Ahamed, A. B. (2022). Implementation of Classroom-Based Assessment in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*. 11(4), 76-87.
- Hopfenbeck TN, Zhang Z, Sun SZ, Robertson P & McGrane JA. (2023). Challenges and opportunities for classroom-based formative assessment and AI: A perspective article. *Front. Educ*. 8:1270700
- Jahidin, N., & Chan, Y. F. (2022). The Role of Senior Leader Team on The Formative Assessment Practices among Primary School Teachers in Petaling. *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*. 12(2), 53-70.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah: Panduan dan Garis Panduan*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Landell, K. (1997). *Management by Measurement: Designing Key Indicators and Performance Management Systems*. Springer.
- Ministry of Education Malaysia. (2020). *Policy on Classroom Assessment in Malaysia*. Ministry of Education Malaysia.
- Morris, R., Perry, T. and Wardle, L. (2021). Formative assessment and feedback for learning in higher education: A Systematic Review. *Rev Educ*, 9: e3292.
- Ng Pei Juan, Saemah Rahman & Shahlan Surat. (2023). Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Kesiediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(5), e002339.
- Nor Hasnida Che Md Ghazali, (2016) The implementation of School-Based Assessment System in Malaysia: a study of teacher perceptions. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 12(9), 104-117.
- Ozan, C., & Kincal, R. Y. (2018). The effects of formative assessment on academic achievement, attitudes toward the lesson, and self-regulation skills. *Educational Sciences: Theory & Practice*. 18, 85-118.
- Pang, N. S.K. (2022). Teachers' Reflective Practices in Implementing Assessment for Learning Skills in Classroom Teaching. *ECNU Review of Education*. 5(3), 470-490.

- Parpucu, H., & Al-Mabuk, R. (2023). The Role of Feedback in Teacher Professional Development. *EIKI Journal of Effective Teaching Methods*, 1(4).
- Popham, W. J. (2008). *Transformative Assessment*. Alexandria, VA: ASCD.
- Rezai A. (2022). Fairness in classroom assessment: development and validation of a questionnaire. *Lang Test Asia*. 2022; 12(1), 17: PMC9155236.
- Rosli, R., Mokhsein, S. E., & Suppian, Z. (2022). Classroom Assessment Practices in Malaysian Primary Schools: A Meta-Analysis. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(1), 97-111.
- Sari, S. T. (2019). The Role of School Leadership in the Implementation of Programming and Stem Concepts into Classroom Practice. *International Journal of Computer Science Education in Schools*. 2(5), 39-44.
- Seema Agnihotri¹, Pushpa Mamoria, Sree Lakshmi Moorthygari, Prerna Chandel (2024). The Role of Reflective Practice in Enhancing Teacher Efficacy. *Educational Administration: Theory and Practice*. 30(6), 1689-1696.
- Sh Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, Kemahiran, Sikap Dan Masalah Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(5), 56-67.
- Spector, J. M., Ifenthaler, D., Samspon, D., Yang, L., Mukama, E., Warusavitarana, A., Lokuge Dona, K., Eichhorn, K., Fluck, A., Huang, R., Bridges, S., Lu, J., Ren, Y., Gui, X., Deneen, C. C., San Diego, J., & Gibson, D. C. (2016). Technology Enhanced Formative Assessment for 21st Century Learning. *Educational Technology & Society*. 19(3), 58-71.
- Stiggins, R. J. (2019). Assessment for learning: A key to motivation and achievement. *Edge*. 2(2), 3-19.
- Tariq, E., Asif, A., & Nazirullah. (2023). Assessment Practices and Assessment Skills of Teachers at Secondary School Level: Factorability and Associative Perspective. *Journal of Peace, Development and Communication*. 07(01), 101-116.
- Tuan Azlyna Tuan Soh. (2013). *Kesediaan guru dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu di sekolah menengah*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Van der Steen, J., van Schilt-Mol, T., van der Vleuten, C. (2023). Designing Formative Assessment That Improves Teaching and Learning: What Can Be Learned from the Design Stories of Experienced Teachers?. *J Form Des Learn* 7, 182–194.
- Wafubwa, R. N., & Csikos, C. (2022). Impact of formative assessment instructional approach on students' mathematics achievement and their metacognitive awareness. *International Journal of Instruction*. 15(2), 119-138.